



Majlis Bandaraya Kuala Terengganu

IKLAN KEKOSONGAN PREMIS PASAR PAYANG 1

TARIKH IKLAN : 1 JULAI 2024 SEHINGGA 14 JULAI 2024

1. Permohonan adalah dipelawa kepada rakyat negeri Terengganu yang menetap di negeri Terengganu dan berminat untuk menyewa serta menjalankan perniagaan di Pasar Payang 1 Bandar Kuala Terengganu.
2. Kekosongan premis yang ditawarkan adalah seperti berikut :-

BIL	JENIS PREMIS	KADAR SEWA (RM)		
		10x10	10x20	10x15
1	KEDAI EMAS	RM800.00	RM1,600.00	
2	KEDAI CENDERAHATI	RM400.00	RM800.00	
3	KEDAI PELBAGAI	RM400.00		
4	KEDAI MAKANAN DAN MINUMAN (VIRAL)			RM500.00

3. Tatacara dan syarat-syarat asas permohonan mengisi kekosongan premis milik Majlis Bandaraya Kuala Terengganu;
 - a) Pemohon mestilah rakyat negeri Terengganu yang menetap di negeri Terengganu, berumur 18 tahun dan atas serta sihat tubuh badan;
 - b) Permohonan boleh dibuat melalui **individu** atau melalui **syarikat**;
 - c) Had umur pemohon bagi permohonan individu adalah 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 60 tahun pada tarikh permohonan;
 - d) Pemohon atau penama dalam syarikat belum menyewa mana-mana premis milik Majlis Bandaraya Kuala Terengganu;
 - e) Pemohon **hanya layak mengemukakan satu permohonan** sahaja. Permohonan berikutnya akan ditolak. Pihak Majlis berhak memilih satu permohonan sahaja untuk dipanggil temuduga;
 - f) Pemohon mestilah mempunyai rekod yang bersih dan tiada sekatan dalam sistem i-Sekat;

- g) Pemohon dikehendaki melihat keadaan lokasi premis terlebih dahulu sebelum menghadiri temuduga;
 - h) Segala perbelanjaan yang berkaitan dengan permohonan ini tidak akan ditanggung oleh pihak Majlis;
 - i) Sila hadir temuduga dengan **berpakaian kemas dan sopan**.
4. Syarat-syarat utama penyewaan premis milik Majlis Bandaraya Kuala Terengganu;
- a) Menjalankan perniagaan sendiri (tidak dibenarkan menyerahkan, menyewa atau menjual kepada orang lain);
 - b) Tidak menjadikan premis tersebut sebagai stor atau tempat transit untuk memasak atau tujuan selain menjalankan perniagaan di tempat tersebut;
 - c) Membayar sewaan premis tanpa gagal setiap bulan;
 - d) Tiada pindaan atau tambahan pada gerai / kedai asal;
 - e) Mematuhi perjanjian sewaan.
5. Syarat tambahan bagi permohonan Kedai Makanan dan Minuman (Viral);
- a) Tidak dibenarkan menjalankan aktiviti memasak menggunakan dapur gas;
 - b) Penyewa hanya dibenarkan memasak menggunakan sumber elektrik sahaja;
 - c) Makanan yang dijual mestilah berlainan dari makanan yang dijual di kedai makan Pasar Payang 2;
 - d) Ruang dalam dan hadapan kedai perlu diberi keutamaan agar sentiasa dijaga dan bersih setiap masa;
 - e) **Suntikan typhoid** perlu diambil oleh semua pengendali atau pekerja premis makanan.
5. **Iklan ini dibuka bermula pada 1 Julai 2024 sehingga 14 Julai 2024.**
6. **Pemohon perlu memuat turun borang permohonan** di Portal MBKT sahaja.
7. Borong permohonan boleh dimuat turun di **Portal Rasmi Majlis Bandaraya Kuala Terengganu**, <http://www.mbkt.gov.my/> .

8. Borang permohonan hendaklah dihantar bersama dokumen-dokumen berikut:-

A) Permohonan Individu

- i) Satu salinan Kad Pengenalan pemohon (tidak dikembalikan);
- ii) Satu salinan Surat Beranak atau Sijil Kelahiran;
- iii) Sekeping gambar bersaiz passport (tidak dikembalikan);
- iv) Penyata Bank pemohon untuk 3 bulan terkini atau apa-apa dokumen yang boleh menyokong kewangan pemohon ;
- v) Sila bawa dokumen asal pada hari temuduga dan lain-lain dokumen yang berkaitan.

B) Permohonan Syarikat

- i) Satu salinan Kad Pengenalan, Pendaftaran Syarikat beserta maklumat syarikat dan maklumat pemilik syarikat (SSM);
- ii) Satu salinan Surat Beranak atau Sijil Kelahiran ahli syarikat yang memohon;
- iii) Sekeping gambar bersaiz passport (tidak dikembalikan);
- iv) Penyata Bank pemohon untuk 3 bulan terkini atau apa-apa dokumen yang boleh menyokong kewangan pemohon ;
- v) Sila bawa dokumen asal pada hari temuduga dan lain-lain dokumen yang berkaitan.


9. **Borang Permohonan yang telah siap diisi hendaklah diserahkan ke Kaunter Setempat No. 5, Bahagian Pengurusan Harta, Aras Bawah Menara MBKT selewat-lewatnya pada 14 Julai 2024 (Ahad) sebelum jam 4:00 petang.**
10. Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat yang ditetapkan akan ditolak. Hanya permohonan yang lengkap serta memenuhi syarat yang ditetapkan akan diproses dan akan disenaraikan untuk dipanggil temuduga.
11. Hanya borang yang diterima selewat-lewatnya **14 Julai 2024 (Ahad)** dibenarkan hadir untuk proses temuduga. Pihak kami berhak untuk tidak memproses atau menolak permohonan yang sama.
12. Pemohon akan dimaklumkan kemudian berkenaan tarikh dan tempat untuk ditemuduga melalui panggilan telefon.
13. Pemohon yang tidak hadir pada hari temuduga dianggap tidak berminat.
14. **Pemohon yang tidak dihubungi** oleh Bahagian Pengurusan Harta **selepas tiga (3) bulan** dari tarikh temuduga adalah **dianggap tidak berjaya**.

15. Keputusan temuduga adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.
16. Borang permohonan hendaklah diserahkan bersama-sama keratan **PENGESAHAN PENERIMAAN** yang berada di bawah.
17. **Bayaran proses sebanyak RM10.00** dikenakan bagi setiap permohonan yang diterima.

Sekian, terima kasih.

“TERENGGANU, MAJU, BERKAT, SEJAHTERA”
“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJI ROSLI BIN LATIF)
 Datuk Bandar,
 Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

.....sila potong keratan ini.....



NOMBOR ANGKA GILIRAN

NAMA :

NO. KAD PENGENALAN :

NO. TELEFON :

JENIS PREMIS:

BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA
MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU
NO. TELEFON : 09-6121641 / 09-6121642



NO GILIRAN



**MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU
JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
(BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA)**

BORANG MAKLUMAT PEMOHON

1. Nama Pemohon :
(Sepertimana Dalam Kad Pengenalan)
2. No Kad Pengenalan :
3. Umur :
4. Tempat Kelahiran :
5. Warganegara:.....
6. Alamat Tetap :
7. No Tel Yg Boleh Dihubungi : Telefon Bimbit :
- Telefon Rumah :(Sekiranya ada).....
8. Status Perkahwinan :
9. Bil Tanggungan : (Isteri)/.....(Anak)/...../(Lain-lain).....
10. Pekerjaan Sekarang:
11. Pendapatan (RM):
12. Premis Yang Dipohon:
- (Terhadap Pada 1 Pilihan Sahaja)
13. Jenis Jualan Yang Dicapulkan:
- (Kesesuaian Dengan Premis Yang Dipohon)